

Surat Daripada Pengerusi

Sukacita saya melaporkan bahawa Guinness Anchor Berhad telah mencapai rekod perolehan paling tinggi RM1.07 bilion dan keuntungan sebelum cukai kumpulan RM152.16 juta bagi tahun kewangan yang berakhir 30 Jun 2007. Angka ini menunjukkan kenaikan hasil perolehan sebanyak 9.8 peratus daripada RM976.01 juta dan kenaikan keuntungan sebelum cukai sebanyak 7.0 peratus daripada RM142.21 juta yang dicapai pada tahun kewangan sebelumnya.



Tan Sri Saw Huat Lye

Mengatasi Cabaran untuk Mendahului Pasaran

Selaras dengan pencapaian kewangan yang cemerlang ini, sukacita saya mengumumkan bahawa Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir 32 sen kasar bagi setiap unit saham 50 sen ditolak cukai pendapatan Malaysia 27 peratus. Ini akan menjadikan jumlah dividen bagi tahun kewangan dilaporkan 45 sen kasar bagi setiap unit saham 50 sen, tiga sen lebih tinggi daripada tahun sebelumnya.

Dengan keputusan kewangan yang memberangsangkan ini, saya dengan bangganya mengisytiharkan bahawa GAB sudah menduduki tempat teratas dari segi penguasaan pasaran dan keuntungan. GAB kini menguasai 55 peratus bahagian pasaran arak malt (MLM) di Malaysia dan meraih 67 peratus daripada jumlah keuntungan industri MLM.

Ini adalah satu pencapaian yang besar dan menagih kerja keras memandangkan keadaan pasaran yang begitu mencabar. Meskipun Kerajaan tidak menaikkan cukai eksais dalam Belanjawan 2007 dan 2008, kenaikan cukai eksais tiga tahun berturut-turut sebelumnya telah mengugat MLM, menyebabkan kemerosotan pasaran 1.4 peratus setakat 30 Jun 2007.

Namun, GAB tetap dengan strategi perniagaannya dan terus berpegang kepada falsafah korporat yang menjurus kepada tiga tunggak kekuatan kami – kakitangan kami, jenama kami dan prestasi kami. Saya pasti, tumpuan yang tidak berbelah bahagi ini telah membolehkan kami menjadi pemimpin pasaran.


Kami akan terus membesarkan bahagian pasaran kami dengan menambah jualan, dan dengan demikian menaikkan keuntungan dan nilai bagi pemegang saham kami.



Kami berhasrat untuk terus mencapai keputusan yang konsisten dan dapat memberi banyak manfaat kepada negara dan ekonomi. Antara manfaat ini termasuk peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam seluruh rantaian bekalan, yang secara langsung dan tidak langsung menyediakan sehingga 500,000 pekerjaan. Selain cukai yang dikutip oleh Kerajaan, produk dan inisiatif pelancongan kami menaikkan reputasi antarabangsa negara kita. Perbelanjaan modal dan pelaburan yang berterusan dalam kakitangan kami, kilang kami dan peralatan jentera kami turut menjana manfaat ekonomi.

Kami berharap Kerajaan mengiktiraf manfaat ini dan tidak akan menaikkan cukai ke atas bir dan stout.

Surat Daripada Pengerusi



Seperti yang diketahui, Theo de Rond, bekas Pengarah Urusan kami, telah meninggalkan GAB pada bulan Mei tahun ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepadanya atas sumbangan yang diberikan untuk menghasilkan keputusan yang memberangsangkan ini.

Saya dan rakan sejawat saya dalam Lembaga Pengarah ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Quek Peck Leng atas sumbangannya sebelum meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah pada 19 Disember 2006. Dengan itu juga, kami mengalu-alukan Dr Leslie Buckley yang mengambil tempatnya pada 4 Januari 2007.

Marilah kita mengalu-alukan Charles Ireland sebagai Pengarah Urusan baru kami. Charles sudah bersama GAB selama kira-kira setahun sebelum ini, sebagai Pengurus Besar Pemasaran dan Pengarah Eksekutif. Beliau pernah memegang beberapa jawatan penting selama sembilan tahun di Diageo dan saya yakin beliau akan dapat membawa Syarikat ke mercu kejayaan yang lebih tinggi.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan dan pengurusan syarikat atas daya usaha, dedikasi dan komitmen mereka untuk memastikan kejayaan berterusan Syarikat anda. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pengedar, pembekal dan peruncit kami kerana memberi kepercayaan yang tidak berbelah bahagi kepada jenama kami dan sokongan padu pada saat-saat getir.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda, para pemegang kepentingan dan pemegang saham kami, atas sokongan yang terus diberikan kepada kami selama ini.

Terima kasih.



Tan Sri Saw Huat Lye

Pengerusi
17 September 2007

